

03 OCT 1996

Mahathir-Curiga

PM YAKIN SYAK WASANGKA TERHADAP ANGGOTA S46 AKAN LENYAP

KOTA BAHARU, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sebarang unsur curiga dan mencurigai di kalangan anggota Umno dan anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang akan menyertai parti itu tidak lama lagi akan lenyap mengikut peredaran masa.

"Kita akui akan ada ketidakpuasan hati sesetengah kalangan Umno berikutan kemasukan anggota S46 itu tetapi lama kelamaan kita harap ia dapat reda dan dikurangkan," kata Perdana Menteri pada persidangan berita di Rumah Seri Kelantan pada akhir Perhimpunan Penyatuan Melayu anjuran bersama Umno dan S46 di sini petang ini.

Perhimpunan itu dianggap pembuka tirai pembubaran S46 dan penyertaan beramai-ramai anggotanya yang diketuai Presidennya Tengku Razaleigh Hamzah ke dalam Umno tidak lama lagi.

Menurut Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, perasaan curiga antara satu sama lain memang perkara lumrah "tiap-tiap kali ada orang baru menyertai Umno tetapi lama kelamaan kepercayaan akan timbul. Tengok sahaja Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dulupun ada orang yang tidak mempercayainya tetapi sekarang dia sudah jadi Timbalan Presiden Umno".

Mengenai kemasukan keanggotaan S46 secara beramai-ramai ke dalam Umno, katanya "buat masa ini kita terimalah tetapi akhirnya kita kena tapis dan kaji dululah kedudukan mereka ini".

Dr Mahathir yakin dengan kemasukan anggota S46 Kelantan ke dalam Umno akhirnya penduduk Kelantan akan menyokong Barisan Nasional "kerana saya berpendapat bahawa rakyat kelantan inginkan perpaduan dan kemajuan".

Beliau berkata bagaimanapun "ada pihak" yang ingin menyekat dan menakutkan rakyat Kelantan supaya jangan menyokong Barisan Nasional (BN) dan Umno khususnya.

Mengenai kedudukan keempat-empat anggota Exco kerajaan negeri Kelantan daripada S46 yang masih ingin kekal jawatan itu walaupun Pas ingin menyingkirkan mereka, Perdana Menteri berkata beliau menyerahkan perkara itu kepada pemimpin S46 untuk diselesaikan.

"Itu saya serah pada merekalah (S46) ... kalau mereka masih hendak duduk dalam barisan Exco itu soal merekalah, saya tak mahu campur tangan," katanya.

Ketika ditanya mengenai hubungan Barisan Nasional dengan pihak istana Kelantan, Dr Mahathir berkata "kita tak ada masalah dengan istana, dulu kita tidak ada hubungan kerana tidak ada sebab hendak adakan perhubungan tetapi sekarang ini setakat yang saya tahu, tak ada masalah".